



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

18 SEPTEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 1,395 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 184,221 kes. Sebanyak 13 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu tiga (3) kes di Lahad Datu dan Putatan, dua (2) kes di Tawau dan Kudat manakala Kota Belud, Sandakan dan Kinabatangan masing-masing mencatatkan satu (1) kes. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,775 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 158,502 orang. Manakala 4,203 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,446 orang di hospital, 2,646 orang di Pusat Kuarantindan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 102 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala sembilan (9) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 200 orang merangkumi 149 di ICU/repurposed kritikal care serta 51 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 70 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Sabah masih meneruskan trend penurunan jangkitan dan merupakan angka terendah yang direkod sejak 11 Ogos 2021. Hari ini jumlah kes yang direkodkan ialah (1,395) kes dengan penurunan sebanyak (-138) kes.
- b. Secara keseluruhan, kebanyakan daerah menunjukkan angka penurunan kes pada hari ini dengan statistik (16) daerah mencatatkan penurunan dan (11) daerah mencatatkan peningkatan kes. Kota Kinabalu mencatatkan perubahan kes yang agak baik dengan catatan cuma (160) kes, merekodkan sebanyak (-109) penurunan kes. Antara daerah lain yang mencatatkan penurunan ketara ialah Ranau (-64) kes, Pitas (-32) kes, Penampang (-30) kes, Kinabatangan (-22) kes, Keningau (-19) kes dan Tenom (-14) kes. Daerah lain yang mencatatkan peningkatan ketara pula ialah Sandakan (+75) kes, Kota Marudu (+33) kes, Kunak (+16) kes, Lahad Datu (+13) kes, Tambunan (+11) kes dan Nabawan (+10) kes. Jumlah penurunan kes harian adalah seiring dengan jumlah daerah yang mencatatkan penurunan. Terdapat (33) kes melibatkan OKT/bantuan yang dicatat hari ini.
- c. Daripada (1,395) kes yang didaftar hari ini, (463) kes atau 33.19% adalah kes-kes lewat daftar antara 2 hingga 3 hari, (59) kes atau 4.23% adalah lewat daftar 4 hingga 5 hari dan (36) kes atau 2.58% adalah kes yang berdaftar lewat melebihi 5 hari.
- d. Saringan Kontak Rapat kekal penyumbang utama keseluruhan kes di Sabah hari ini dengan (833) kes atau 59.7%, Saringan Bergejala (383) kes atau 27.5%, (26) kes daripada Saringan Kluster atau 1.9% dan (120) kes melalui Saringan Lain-lain.
- e. Daripada (1,395) kes yang berdaftar hari ini, (385) kes atau 27.6% adalah pesakit dalam Kategori 1, (899) kes atau 64.44% dalam Kategori 2, sembilan (9) kes dalam Kategori 3, tujuh (7) kes dalam Kategori 4 dan tujuh (7) kes dalam kategori 5. (88) kes masih dalam siasatan. 89.46% daripada jumlah keseluruhan pesakit adalah warganegara Malaysia.

- f. Penduduk yang menerima vaksin setakat 17 September 2021 bagi Dos 1, Dos 2 dan juga Vaksin Cansino adalah berjumlah 78,293 orang menjadikan kumulatif sebanyak 1,994,790 atau 70.9% dari populasi dewasa yang sudah menerima vaksin. Manakala penduduk yang telah lengkap divaksin adalah seramai 1,570,390 atau 55.9% dari populasi dewasa.
- g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (833) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Bil. | Kategori Saringan | Bilangan Kes | Peratusan |
|---------------|--------------------------|---------------------|------------------|
| 1 | Kluster | 26 | 1.9% |
| 2 | Bergejala | 383 | 27.5% |
| 3 | Kontak | 833 | 59.7% |
| 4 | Bersasar | 33 | 2.4% |
| 5 | Lain-lain | 120 | 8.6% |
| JUMLAH | | 1,395 | 100% |

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (17 September 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

| Bil. | Daerah | Catatan Kes 17/09/2021 | Catatan Kes 18/09/2021 | Perbandingan |
|---------------|---------------|-----------------------------------|-----------------------------------|---------------------|
| 1 | Sandakan | 84 | 159 | +75 |
| 2 | Kota Marudu | 51 | 84 | +33 |
| 3 | Kunak | 11 | 27 | +16 |
| 4 | Putatan | 51 | 67 | +16 |
| 5 | Lahad Datu | 114 | 127 | +13 |
| 6 | Tambunan | 7 | 18 | +11 |
| 7 | Nabawan | 26 | 36 | +10 |
| 8 | Kalabakan | 5 | 8 | +3 |
| 9 | Beluran | 20 | 23 | +3 |
| 10 | Tawau | 67 | 69 | +2 |
| 11 | Kuala Penyu | 7 | 8 | +1 |
| 12 | Kota Kinabalu | 269 | 160 | -109 |
| 13 | Ranau | 100 | 36 | -64 |
| 14 | Pitas | 68 | 36 | -32 |
| 15 | Penampang | 87 | 57 | -30 |
| 16 | Kinabatangan | 82 | 60 | -22 |
| 17 | Keningau | 86 | 67 | -19 |
| 18 | Tenom | 34 | 20 | -14 |
| 19 | Kudat | 28 | 19 | -9 |
| 20 | Sipitang | 11 | 6 | -5 |
| 21 | Telupid | 20 | 15 | -5 |
| 22 | Semporna | 16 | 13 | -3 |
| 23 | Papar | 67 | 64 | -3 |
| 24 | Tuaran | 108 | 106 | -2 |
| 25 | Tongod | 20 | 18 | -2 |
| 26 | Beaufort | 15 | 14 | -1 |
| 27 | Kota Belud | 79 | 78 | -1 |
| JUMLAH | | 1,533 | 1,395 | -138 |

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Kategori Kes | | | | | Bilangan Kes Baharu | Kes Terkumpul 14 Hari (04 – 17 September) |
|---------------|------------------|-----------------|--------------------|-------------------|--------------------|---------------------|---|
| | Saringan Kluster | Saringan Kontak | Saringan Bergejala | Saringan Bersasar | Lain-lain Saringan | | |
| Kota Kinabalu | 0 | 96 | 43 | 0 | 21 | 160 | 4328 |
| Lahad Datu | 0 | 37 | 37 | 33 | 20 | 127 | 1539 |
| Sandakan | 0 | 67 | 58 | 0 | 34 | 159 | 3003 |
| Tuaran | 0 | 78 | 27 | 0 | 1 | 106 | 1948 |
| Kota Marudu | 0 | 57 | 21 | 0 | 6 | 84 | 1117 |
| Kota Belud | 0 | 61 | 13 | 0 | 4 | 78 | 1108 |
| Tawau | 0 | 51 | 11 | 0 | 7 | 69 | 1299 |
| Keningau | 0 | 46 | 19 | 0 | 2 | 67 | 1170 |
| Putatan | 0 | 26 | 39 | 0 | 2 | 67 | 929 |
| Papar | 0 | 43 | 21 | 0 | 0 | 64 | 1517 |
| Kinabatangan | 23 | 34 | 2 | 0 | 1 | 60 | 805 |
| Penampang | 0 | 33 | 21 | 0 | 3 | 57 | 1498 |
| Ranau | 0 | 27 | 5 | 0 | 4 | 36 | 797 |
| Pitas | 0 | 27 | 8 | 0 | 1 | 36 | 587 |
| Nabawan | 3 | 24 | 8 | 0 | 1 | 36 | 429 |
| Kunak | 0 | 22 | 5 | 0 | 0 | 27 | 387 |
| Beluran | 0 | 20 | 3 | 0 | 0 | 23 | 564 |
| Tenom | 0 | 10 | 5 | 0 | 5 | 20 | 436 |
| Kudat | 0 | 11 | 6 | 0 | 2 | 19 | 637 |
| Tongod | 0 | 18 | 0 | 0 | 0 | 18 | 342 |
| Tambunan | 0 | 15 | 3 | 0 | 0 | 18 | 231 |
| Telupid | 0 | 10 | 5 | 0 | 0 | 15 | 566 |
| Beaufort | 0 | 8 | 5 | 0 | 1 | 14 | 319 |
| Semporna | 0 | 5 | 4 | 0 | 4 | 13 | 251 |
| Kuala Penyu | 0 | 3 | 5 | 0 | 0 | 8 | 71 |
| Kalabakan | 0 | 4 | 3 | 0 | 1 | 8 | 252 |
| Sipitang | 0 | 0 | 6 | 0 | 0 | 6 | 130 |
| JUMLAH | 26 | 833 | 383 | 33 | 120 | 1,395 | 26,260 |

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Nama Kluster | Jumlah Kes Baharu |
|---------------|-------------------------------|-------------------|
| Nabawan | Kluster Sawit Simpang Batu 38 | 3 |
| Kinabatangan | Kluster Sawit Safoda | 23 |
| JUMLAH | | 26 |

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Sawit Safoda - Kinabatangan adalah kluster jenis tempat kerja iaitu ladang sawit di Daerah Kinabatangan. Kes indeks merupakan pemandu lori, lelaki, 32, yang disahkan positif COVID-19 di klinik panel ladang pada 16 September 2021 selepas mula bergejala pada 11 September 2021. Keputusan ujian RTK AG kes indeks adalah positif dengan grading 100% dan kes telah dirujuk ke Hospital Kinabatangan untuk rawatan lanjut. Aktiviti persampelan kontak seterusnya mendapati 22 orang kontak sosial, pekerja dan tanggungan turut positif COVID-19. Siasatan, persampelan COVID-19 dan disinfeksi masih diteruskan di lapangan untuk menilai sebaran jangkitan dan risiko kemungkinan jangkitan lebih meluas kepada pekerja ladang berdekatan yang lain. Setakat hari ini, kluster ini mencatatkan 23 kes positif daripada 115 orang yang disaring.

7 Jumlah kapasiti katil 7,254 unit

- Hospital 1,872 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,682 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 58.94%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 18 SEPTEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

| Import/Tempatan | |
|------------------------------------|--------------|
| Tempatan | 1,359 |
| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | 0 |
| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | 3 |
| Orang Dalam Tahanan /Banduan | 33 |
| Jumlah | 1,395 |

| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | |
|---------------------------------|----------|
| Selangor | 1 |
| Johor | 1 |
| WP Labuan | 1 |
| Jumlah | 3 |

ii. Kewarganegaraan

| Kewarganegaraan | |
|-----------------|--------------|
| Malaysia | 1,248 |
| Bukan Malaysia | 147 |
| Jumlah | 1,395 |

iii. Status Vaksinasi

| Status Vaksinasi | |
|-----------------------|--------------|
| Belum Layak Vaksin | 240 |
| Belum Menerima Vaksin | 483 |
| Menerima 1 Dos | 117 |
| Lengkap 2 Dos | 555 |
| Jumlah | 1,395 |

iv. Umur

| Umur (Tahun) | |
|---------------|--------------|
| <1 | 17 |
| 1 to 5 | 103 |
| 6 to 11 | 120 |
| 12 to 17 | 131 |
| 18 to 59 | 889 |
| >60 | 135 |
| Jumlah | 1,395 |

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

| BIL | DAERAH | BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 18 September 2021) |
|---------------|---------------|--|
| 1 | Ranau | 8 |
| 2 | Kota Kinabalu | 4 |
| 3 | Kota Marudu | 4 |
| 4 | Keningau | 3 |
| 5 | Kudat | 3 |
| 6 | Papar | 3 |
| 7 | Tawau | 3 |
| 8 | Beluran | 2 |
| 9 | Kota Belud | 2 |
| 10 | Putatan | 2 |
| 11 | Lahad Datu | 1 |
| 12 | Telupid | 1 |
| 13 | Tenom | 1 |
| JUMLAH | | 37 |

D PEMBUKAAN LEBIH BANYAK OPERASI DAN AKTIVITI

- 1 Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk membuka lebih banyak operasi dan aktiviti mulai Isnin, 20 September 2021. Sepuluh jenis operasi dan aktiviti ini akan hanya dibenarkan bermula pada hari Isnin, 20 September 2021, yakni apabila SOP PPN Fasa 2 Negeri Sabah telah dikemaskini dan diwartakan.
 - i Aktiviti sukan dan rekreasi bersentuhan fizikal melibatkan pengoperasian fasiliti sukan dan rekreasi terbuka (*outdoor*) dan tertutup (*indoor*) DIBENARKAN kepada individu telah lengkap divaksin.
 - ii Aktiviti kecergasan individu seperti senamrobik, Zumba dan seumpamanya yang dilakukan secara individu / berkumpulan di gimnasium atau pusat kecergasan yang sama dengan mematuhi 50% kapasiti atau tidak melebihi 30 orang (mana-mana lebih rendah) adalah DIBENARKAN dengan syarat jurulatih dan peserta telah lengkap divaksin.
 - iii Aktiviti *hiking* DIBENARKAN kepada individu telah lengkap divaksin yang dilakukan secara individu atau berkumpulan yang mematuhi 50% kapasiti kawasan atau tidak melebihi 30 orang (mana-mana lebih rendah).

- iv Pusat Latihan Maritim dan Pusat latihan Penerbangan (udara) dan darat DIBENARKAN beroperasi dengan syarat telah lengkap divaksin.
- v Aktiviti kolam memancing DIBENARKAN beroperasi dari 6.00 pagi-6.00 petang dalam daerah yang sama dengan syarat pekerja dan pelanggan telah lengkap divaksin dengan mematuhi 50% kapasiti atau tidak melebihi 30 orang (mana-mana lebih rendah).
- vi Aktiviti kapal persiaran domestik di dalam perairan negeri Sabah DIBENARKAN dengan 50% kapasiti dengan syarat semua anak kapal/pekerja dan penumpang telah lengkap divaksin. Aktiviti kelab malam dan pub tidak dibenarkan.
- vii Mesyuarat secara bersemuka DIBENARKAN kepada individu yang telah lengkap divaksin dengan 50% kapasiti bilik mesyuarat.
- viii Semua pejabat swasta DIBENARKAN beroperasi dengan kapasiti pekerja adalah mengikut peratusan pekerja yang telah divaksin.
- xi Operasi kilang dan kedai minuman keras DIBENARKAN dengan syarat pekerja telah lengkap divaksin. Walau bagaimanapun kelab malam, pub dan pusat karaoke TIDAK DIBENARKAN.
- x Semua IPT di bawah kawal selia Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dibuka secara berperingkat kepada pelajar yang telah lengkap vaksin dan melepasi tempoh keberkesanan selepas lengkap vaksinasi, namun kemasukan sebenar adalah tertakluk kepada kapasiti IPT.

2 SOP terperinci beberapa operasi dan aktiviti ini akan dikeluarkan pada hari esok, Ahad 19 September 2021.

E PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

| BIL | Lokaliti PKPD | Tarikh Mula PKPD | Tarikh Tamat PKPD |
|-----|--------------------------------|-------------------|-------------------|
| 1. | Kampung Tamu Darat, Kota Belud | 20 September 2021 | 3 Oktober 2021 |

F PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

| BIL | Lokaliti PKPD | Tarikh Mula PKPD | Cadangan |
|-----|--|------------------|--|
| 1. | Pusat Latihan Polis (PULAPOL), Kota Kinabalu | 6 September 2021 | Ditamatkan pada 19 September 2021 seperti yang dijadualkan |

G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

Penduduk yang menerima vaksin setakat 17 September 2021 bagi Dos 1, Dos 2 dan juga Vaksin Cansino adalah berjumlah 78,293 orang menjadikan kumulatif sebanyak 1,994,790 atau 70.9% dari populasi dewasa yang sudah menerima vaksin. Manakala penduduk yang telah lengkap divaksin adalah seramai 1,570,390 atau 55.9% dari populasi dewasa.

H BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **607,489** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 81 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 39,215 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 88 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 60 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 21 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Satu (1) Orang : Tiada Penjarakan Sosial
 - Satu (1) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
 - Satu (1) Orang : Premis Gagal Menyediakan Peralatan Bagi Merekod Butiran Diri/Rekod Suhu
 - Tiga (3) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
 - 15 Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 138 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 42 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil satu (1) tangkapan di buat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002 (JPDS).
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 850 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak dua (2) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Kinabatangan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT.

- ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 523 premis perniagaan dan 990 individu di 18 kawasan. Tiga belas (13) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Classy Enterprise, Kingfisher (1 Orang), Perniagaan NAR, Kingfisher (1 Orang), Kingfisher KK Land (5 Orang), FM Fresh Mart, Kingfisher (1 Orang), Pasaraya Glorymas, Kingfisher (1 Orang) dan Pizza Hut Delivery, Kingfisher (2 Orang). Kesalahan individu tiada penjarakan sosial di Jalan Tun Fuad Stephen (Hadapan SICC) (2 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 305 Premis Perniagaan melibatkan 174 anggota APM. Sebanyak 11 Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 121 anggota di 151 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 17 premis, melibatkan 12 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 93 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lapan (8) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 611 hebahan di seluruh Sabah.

J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **96.2%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|------------|---------------|----------------|
| 1 | Semporna | 96.5% |
| 2 | Beluran | 96.5% |
| 3 | Tenom | 96.5% |
| 4 | Sipitang | 96.5% |
| 5 | Tuaran | 96.5% |
| 6 | Kota Belud | 96.5% |
| 7 | Kunak | 96% |
| 8 | Kudat | 96% |
| 9 | Keningau | 96% |
| 10 | Kota Marudu | 96% |
| 11 | Beaufort | 96% |
| 12 | Ranau | 96% |
| 13 | Kinabatangan | 96% |
| 14 | Lahad Datu | 96% |
| 15 | Sandakan | 96% |
| 16 | Penampang | 96% |
| 17 | Papar | 95.5% |
| 18 | Tawau | 95.5% |
| 19 | Kota Kinabalu | 95.5% |

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**